

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

**PENGAPLIKASIAN MOTIF ORKID PADA BATIK DI  
KELANTAN**

**TG. NURHASIFAH BT TG. ABDULLAH**

**97185814**

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA TEKSTIL  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN  
SESSI 2000/01**

## PENGAPLIKASIAN MOTIF ORKID PADA BATIK DI KELANTAN

**TG.NURHASIFAH BINTI TG.ABDULLAH**

**(97185814)**

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka Tekstil.

1. Diperiksa oleh..... *Muhammad* ..... Tarikh..... *18/3/2001* .....
2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
3. Diperiksa oleh..... Tarikh.....

Dekan

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur saya ucapkan ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dan keizinan-Nya, dapatlah saya menyiapkan tesis saya ini dengan seadanya. Walaupun terasa sedikit kerumitan dan kepayahan, saya terus bangun untuk cuba menyiapkannya dengan mendapatkan bantuan daripada pelbagai pihak.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pensyarah yang terlibat terutamanya kepada En.Md.Sabri bin Mohamad yang tidak pernah jemu untuk membantu saya di dalam setiap proses penyusunan dan tunjuk ajar tentang keperluan-keperluan serta kehendak-kehendak tesis ini sama ada secara langsung atau tidak sehinggalah ia siap disempurnakan.

Tanpa perhatian dan tunjuk ajar daripada mereka, tidak mungkin saya dapat menghasilkan tesis ini dengan baik dan tepat. Selain itu, saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada kedua ibubapa dan ahli keluarga saya kerana sokongan moral dan bantuan mereka terhadap saya.

Kepada semua sampel-sampel yang terlibat, sekalung ucapan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sepanjang sesi temubual yang diadakan serta sanggup membenarkan saya untuk mengadakan sesi lawatan ke tempat perusahaan batik mereka. Jasa mereka semua amat saya hargai. Segala budi baik mereka akan saya kenangi seumur hidup dan segala nasihat serta pengajaran akan saya jadikan pedoman untuk diri saya sendiri kelak.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, staff-staff di Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam, pekerja-pekerja Taman Orkid Tunku Anis, Pengkalan Chepa, dan pekerja-pekerja Taman Orkid, Tasik Perdana, Kuala Lumpur kerana kesudian mereka membantu saya.

## SINOPSIS

Tesis yang merujuk kepada bidang seni batik ini mengupas tentang pengaplikasian motif orkid pada batik yang dihasilkan di negeri Kelantan. Tujuan ia dihasilkan ialah untuk menjadikan orkid sebagai salah satu motif alternatif dalam gubahan idea dan rekaan terkini untuk meningkatkan lagi permintaan terhadap hasil batik secara positif dan produktif. Ini akan meningkatkan lagi perniagaan mereka apabila adanya pelbagai pilihan yang disediakan kepada para pelanggan dan juga sebagai satu alternatif supaya unsur peniruan motif dapat dielakkan bagi mengekalkan keindahan dan kesenian batik selain daripada kreatif dalam menggubah motif orkid supaya menjadi salah satu motif yang akan diterima secara terbuka. Kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan yang membincangkan tentang kajian yang dijalankan secara tinjauan dengan menggunakan soalan-soalan pendek, sesi temubual, dan soalan-soalan bertulis yang merangkumi tajuk yang dikaji. Sampel kajian yang dipilih juga adalah mereka yang melibatkan diri secara langsung dan tidak langsung dalam bidang perusahaan batik. Alat ukuran seperti temuramah, soal-selidik, dokumen persendirian, dan pemerhatian luar membantu pengkaji mencari jawapan kepada kajian yang dibuat. Kaedah secara rawak telah dibuat bagi mengumpulkan data dan pengkaji menilai data-data yang diperolehi melalui perbandingan yang dibuat dari segi nilai peratusan. Unsur persamaan dan peniruan motif memang banyak kelihatan pada batik yang dihasilkan kerana kebanyakan daripada mereka lebih mementingkan keuntungan yang berlipat ganda berbanding dengan mutu dan kualiti yang dihasilkan. Semua lapisan masyarakat sebenarnya harus menitikberatkan soal motif pada warisan tradisional ini supaya ia tidak ketinggalan. Perubahan motif, penggabungan reka corak, dan teknik-teknik membatik perlu diperbaiki dan diperbaharui dengan sempurna.

## SENARAI ISI KANDUNGAN

HALAMAN PEMERIKSA	i
PENGHARGAAN	ii
SINOPSIS	iv
SENARAI ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI ILUSTRASI	viii
BAB 1:       PENDAHULUAN	
1.1       Pengenalan	1
1.2       Latar Belakang Kajian	3
1.2.1   Batik Tulis Tangan (Hand-Drawn Batik)	7
1.2.2   Batik Cetakan (Printed Batik)	9
1.2.3   Batik Kombinasi (Combination Batik)	10
1.2.4   Batik Lukisan (Painting Batik)	10
1.2.5   Teknik-teknik Penghasilan Batik	11
1.2.6   Mengenali Batik Asli dan Batik Tiruan	12
1.3       Permasalahan Kajian	15
1.4       Kepentingan Kajian	17
1.5       Hipotesis	18
1.6       Skop Kajian	19
1.7       Definisi	20
BAB 2:       KAJIAN-KAJIAN LAMPAU	
2.1       Pendahuluan	48
2.2       Hasil-hasil Kajian Lampau	49
2.3       Kesimpulan	52
BAB 3:       METODOLOGI	
3.1       Pendahuluan	54